

MAJLIS PELANCARAN PEMBANGUNAN SEMULA PASAR RAJA BOT KUALA LUMPUR

18/03/2013

JALAN RAJA ALANG, KAMPONG BHARU KUALA LUMPUR

Bismillahir Rahmanir Rahim

Yang Berhormat Dato' Raja Nong Chik bin Dato' Raja Zainal Abidin
Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar

Yang Berbahagia Dato' Adnan bin Mohd Ikhsan
Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar

Yang Berbahagia Dato' Seri Haji Ahmad Phesal bin Haji Talib
Datuk Bandar Kuala Lumpur

Yang Berbahagia Dato' Astaman bin Abdul Aziz
Pengerusi Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu

Yang Berbahagia Tan Sri Dr Aseh Che Mat
Presiden Perbadanan Putrajaya

Ketua-ketua Jabatan dan Agensi di bawah KWPKB

Dato-Dato', Datin-Datin, Ketua-ketua masyarakat, para penjaja dan peniaga Pasar Jalan Raja Bot, dan para hadirin sekalian.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
dan Salam Sejahtera, Salam Satu Malaysia

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah dan izin-Nya, pada petang ini, kita dapat bersama-sama berkumpul di Majlis Pelancaran Pembangunan Semula Pasar Raja Bot, Kuala Lumpur.

2. Saya juga ingin merakamkan penghargaan kepada Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar kerana sudi menjemput saya bagi merasmikan Pembangunan Semula Pasar Raja Bot pada petang ini.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

3. Saya ingin berkongsi sebentar mengenai perkembangan baru-baru ini berhubung situasi negara kita dikejutkan dengan pencerobohan di Lahad Datu, Sabah oleh pihak yang tidak bertanggung jawab. Saya telah berada disana awal minggu lalu, dan amat bangga dengan semangat kental dan patriotik yang tinggi ditunjukkan oleh anggota keselamatan PDRM dan ATM kita.

4. Saya mengambil kesempatan ini memohon sama-samalah kita berdoa agar ALLAH

melindungi anggota-anggota kita yang bertugas mempertahankan dan mendaulatkan bumi Malaysia yang tercinta, disamping memohon rahmat dariNya agar segala perancangan pembangunan negara akan terus aman, kukuh dan berjaya.

Hadirin-hadirat yang dihormati,

5. Sesungguhnya penganjuran majlis ini menjadi detik yang ditunggu-tunggu oleh kita semua kerana kini ia benar-benar menjadi kenyataan. Hari ini akan bermulanya kerja untuk melaksanakan pembangunan semula pasar ini. Peristiwa ini akan terakam dalam lipatan sejarah, kerana pada hari ini kerajaan di bawah pimpinan YAB Dato Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak Perdana Menteri, telah mengambil satu langkah bijak dan berwawasan dalam merealisasikan impian kita bersama dalam membangunkan semula pasar ini.

6. Kerajaan yang mentadbir hari ini sentiasa komited kepada hasrat dan usaha untuk terus merencana dan menjana peluang-peluang ekonomi di sekitar bandar Kuala Lumpur. Ini bertujuan membantu warga kota dan keluarga mereka untuk mencapai taraf kehidupan yang lebih baik, maju dan selesa serta menjayakan agenda kesejahteraan hidup rakyat amnya.

7. Sehubungan ini, susulan lawatan saya pada 17 Julai, 2011, kita telah terus merencana dan mengorak langkah secara berpasukan, demi kepentingan rakyat, mengambil kira pendekatan jangka masa panjang, dalam membangunkan semula Pasar Raja Bot ini yang juga dikenali sebagai Pasar Chow Kit.

8. Kita yakin dengan keazaman dan kesungguhan tindakan bersama ini, imej baharu yang lebih menarik selaras dengan kemajuan pembangunan negara, akan dapat kita tampilkan di kawasan ini.

Hadirin-hadirat yang dihormati,

9. Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM200 juta bagi pembangunan semula pasar Raja Bot ini yang tentunya akan menjadi pemangkin kepada pembangunan semula Kampong Bharu, menjelang tahun 2020. Dengan anggaran keluasan kasar lantai 48,032 meter persegi atau lebih 480 ribu kaki persegi, apabila kompleks pasar ini siap kelak, maka kita dapat menyaksikan lot-lot perniagaan yang baru dan lebih selesa akan dibangunkan.

10. Prasarana Pasar Raja Bot yang baru nanti akan dapat menempatkan semula 1,527 orang penjaja sedia ada, dan selebihnya akan ditempatkan peniaga dan penjaja baru yang terdiri daripada usahawan tempatan, terutamanya generasi muda. Generasi ini akan berpeluang mencebur diri dalam bidang perniagaan serta peruncitan, dan saya pasti kemudahan-kemudahan di pasar ini akan dapat membantu melahirkan usahawan dan peniaga-peniaga tempatan yang membawa imej baru, dan lebih berjaya.

11. Melihat kepada reka bentuk pasar yang akan dibangunkan ini, ia akan dilengkapi dengan pelbagai kemudahan bagi menampung keperluan dalam menjalankan operasi perniagaan yang efisien. Keadaan dan susun atur pasar adalah berdasarkan konsep pasar moden dengan ciri tradisi Melayu yang ikonik yang menampilkan suasana yang tersusun, bersih, menarik dan

selesa, bukan sahaja kepada para penjaja dan peniaga, tetapi pelanggan dan pembeli yang datang. Malahan, saya dimaklumkan sebanyak 800 lot tempat kereta, dan motorsikal bertingkat akan turut disediakan.

12. Pasar ini akan dijadikan sebagai satu pusat perniagaan pelbagai barangan yang mempunyai produk atau jenis perniagaan tertentu, yang dapat menyumbangkan kepada daya-saing yang tinggi. Ini tentunya akan menarik minat pelancong-pelancong samada tempatan atau luar negara. Oleh itu, Pasar Raja Bot yang baru ini akan mempunyai pakej yang lengkap dari aspek landskap, prasarana, kualiti barangan dan harga barangan yang kompetitif sebagai sebuah pusat pelancongan utama, dan lokasi wajib dikunjungi, di Malaysia.

13. Dengan idea di luar dari kebiasaan, dan kesungguhan oleh setiap pihak, saya yakin dan percaya, persekitaran ideal yang kita bangukan ini, akan menyumbang kepada imej Kuala Lumpur yang lebih menarik dan berjaya. Imej Chow Kit atau Jalan Raja Bot, Jalan Raja Alang dan sekitarnya akan berubah lebih positif merangkumi pelbagai aktiviti-aktiviti perniagaan dan sosial yang lebih rancak, aktif dan sihat.

14. Sesungguhnya, pasar ini akan menjadi pemangkin kepada pembangunan persekitarannya, terutama pembangunan semula Kampong Bharu. Dengan kemudahan infrastruktur yang cekap, dan selesa serta adanya laluan dan stesen LRT dan MRT, kawasan ini akan setanding dengan kawasan segi tiga emas yang berada disebelah kita. Nilai hartanah akan turut meningkat sejajar dengan kemajuan pembangunan di sini yang tentunya memberi manfaat kepada penduduk-penduduk di sini. (Nota: YAB mungkin ingin menggalakkan supaya membeli hartanah di kawasan ini sekarang sebagai satu pelaburan masa depan yang munasabah).

Para hadirin yang dihormati sekalian,

15. Selaras dengan teras "janji di tepati" di bawah semangat '1 Malaysia' Rakyat didahulukan, Pencapaian diutamakan' Kerajaan telah merealisasikan janjinya untuk membangunkan semula Pasar Raja Bot ini. Inilah Kerajaan pada masa ini yang sedaya-upaya bekerja sepenuhnya untuk memenuhi tuntutan rakyat, dan bukan hanya sekadar memberikan janji-janji manis yang menggunung, tetapi tidak dapat dilaksanakan.

16. Saya difahamkan hasrat dan kesungguhan Kerajaan mengotakan janjinya telah disambut baik oleh para penjaja/peniaga di sini, dan Alhamdulillah, ini tentunya memudahkan pihak Kerajaan melaksanakan pembangunan tersebut dengan berkesan.

17. Saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan setinggi penghargaan kepada seluruh penjaja/peniaga disini yang telah memberikan sokongan padu serta kerjasama dalam menterjemahkan impian kita semua menjadi kenyataan.

18. Sekiranya semua kerja-kerja yang dirancang berjalan mengikut jadual, InsyaAllah, projek pembangunan semula ini akan siap sepenuhnya pada tahun 2017. Dalam masa yang terdekat ini, proses perpindahan secara berperingkat ke tapak sementara yang berdekatan juga akan dilaksanakan dan memerlukan kerjasama semua penjaja dan peniaga.

19. Saya amat berharap supaya tuan-tuan dan puan-puan dapat berlapang dada, dan terus memberikan kerjasama yang erat dan padu di dalam proses pemindahan sementara ini. Kerajaan melalui kementerian dan agensi seperti DBKL sedia mendengar sebarang pandangan dan maklum-balas dalam membantu memastikan kelancaran proses pemindahan secara berperingkat tersebut.

Hadirin dan Hadirat yang dihormati

20. Saya yakin usaha Kerajaan ini akan mendatangkan banyak manfaat kepada rakyat khususnya para peniaga sendiri. Dengan adanya prasarana yang baru dan lebih tersusun dan moden, peniaga-peniaga berpeluang meningkatkan kecekapan operasi perniagaan, disamping membantu dalam mengukuhkan aktiviti pemasaran dan penjanamaan perniagaan masing-masing. Ini akan memberi kesan impak berganda kepada para peniaga.

21. Di samping itu, saya turut difahamkan Perbadanan Kampong Bharu telah merangka program pembangunan usahawan atau AZAM niaga bagi membantu usahawan-usahawan tempatan menjadi lebih berjaya dan berketrampilan tinggi.

22. Akhir kata, saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk merakamkan sekali lagi setinggi penghargaan dan terima kasih kepada Y.B Dato' Raja Nong Chik, Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar; Ketua Setiausaha Kementerian; Datuk Bandar; Ketua Pegawai Eksekutif PKB, dan kepada semua pegawai-pegawai berkenaan yang terlibat yang mengambil inisiatif bagi memastikan pelaksanaan pembangunan semula Pasar Raja Bot berjalan dengan lancar dan sempurna.

23. Akhirnya, dengan penuh kesyukuran dan lafaz BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM, saya merasmikan Majlis Pelancaran Pembangunan Semula Pasar Raja Bot.

Sekian, wabillahitaufik walhidayah, wassalamualaikum Warahmatullahi wabarakatuh. Sekian, terima kasih.